

Penerapan Undang-Undang Adat Terhadap Kesalahan Sahsiah pada Zaman Kesultanan Melayu

The Application of Customary Law on the Personality Offense during Malay Sultanate Era

Salihahs Razak & Arba'ie Sujud
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
e-mail: salpisces@yahoo.com

Abstrak

Undang-undang Adat merupakan salah satu elemen penting dalam pembentukan masyarakat ke arah nilai sahsiah yang baik. Masyarakat akan lebih bertanggungjawab dengan adanya undang-undang yang boleh dirujuk sekali gus membentuk disiplin individu dan anggota masyarakat itu sendiri untuk mewujudkan keharmonian dalam kehidupan. *Undang-undang Melaka* merupakan teks utama dalam sistem perundangan yang diguna pakai pada zaman kesultanan Melayu. Undang-undang ini banyak memaparkan peraturan adat yang mesti dipatuhi oleh masyarakat Melayu dalam mewujudkan keharmonian semua pihak. Pemakaian Undang-undang Adat ini terhadap sahsiah masyarakat boleh memberi gambaran tentang kesan terhadap amalan sahsiah negatif yang dilakukan oleh masyarakat untuk memberi panduan kepada masyarakat kini melalui peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan Undang-undang Adat. Bagi melihat peristiwa-peristiwa yang berkaitan, naskah *Sulalatus Salatin* digunakan dalam kajian ini sebagai panduan kepada khalayak umum.

Kata kunci undang-undang Adat, sahsiah, keharmonian, zaman kesultanan Melayu, kesan

Abstract

Customary Law is an important element in the formation of the community with the good personality. The community will be more responsible with the existence of the law that can be referred to and simultaneously establishing the discipline in the individual members and the community itself to creating harmony in life. *Undang-Undang Melaka* is the main text in the legal system prevailing at the time of the Malay Sultanate Era. This law presents many customs regulations which must be complied with, by the Malay community in creating harmony of all parties. The application of customary law on the community's personality can give an idea of the impact on the practice of negative personality traits done by the community, as also to guide the community today through the events that are related to customary law. To view the events related, *Sulalatus Salatin* was used in this study as a guide to the general public.

Keywords customary Law, personality, peace, Malay sultanate era, impact

PENGENALAN

Masyarakat Melayu telah mengalami banyak perubahan sejak zaman kesultanan Melayu lagi. Setiap perubahan yang berlaku itu selaras dengan peredaran masa yang membawa kepada perkembangan intelektual bangsa Melayu. Perkembangan pemikiran itu membentuk identiti sejagat yang menjadi lambang kepada soal kearifan bangsa Melayu itu sendiri. Undang-undang merupakan salah satu skop dalam kehidupan bangsa Melayu untuk melahirkan masyarakat yang berdisiplin dengan tertubuhnya peraturan dan larangan sebagai panduan kepada anggota masyarakat. Hal ini merujuk kepada penubuhan Undang-undang Adat yang digunakan untuk membentuk tatasusila kelompoknya, di samping untuk memelihara nilai adat itu sendiri agar tidak dipandang ringan.

Zaman kesultanan Melayu merupakan zaman keagungan masyarakat Melayu yang telah bertapak sejak ratusan tahun dahulu. Pada zaman keagungan ini, terlahir pelbagai refleksi budaya masyarakat Melayu seperti adat istiadat, keagamaan dan kepercayaan, nilai etika, kesenian, serta peraturan dan

undang-undang dalam koteks pemahaman Undang-undang Adat. Di samping itu, amalan ini merupakan gambaran kehidupan masyarakat Melayu terdahulu yang menjadi rujukan sehingga kini. Cerminan ini menunjukkan kearifan bangsa Melayu dalam menyelami tatasusila ketuanan Melayu. Ia juga dianggap sebagai lambang budaya masyarakat Melayu yang bermula dari golongan istana iaitu raja-raja Melayu dan menjadi ikutan sehingga ke peringkat golongan bawahan. Menurut Abdullah Zakaria bin Ghazali (2012:685), kesultanan atau raja-raja Melayu adalah satu institusi yang telah ratusan tahun bertapak di bumi Malaysia. Kenyataan beliau itu menunjukkan bahawa golongan raja dianggap sebagai pemula dalam menghidupkan budaya Melayu.

Penubuhan Undang-undang Adat merupakan salah satu elemen penting dalam perkembangan bangsa Melayu ketika itu. Selain daripada aspek kebudayaan, Undang-undang Adat ini dijadikan sebagai garis panduan dalam membentuk sahsiah masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu. Peribahasa Melayu, 'Biar mati anak, jangan mati adat' sudah cukup kuat melambangkan bahawa masyarakat Melayu begitu berpegang teguh dengan adat walau terpaksa menyingkirkan orang yang terdekat. Menurut Muhammad Ariff Ahmad (1993), peribahasa ini telah dipegang kukuh oleh masyarakat Melayu lama; bukan sahaja sekukuh memegang mamang adat, malah peribahasa itu dianggap sakti sebagai "hadis Melayu", sehingga sanggup mengenyahkan anak sendiri jika anak itu berbuat sesuatu yang bersalah dan bercanggah dengan adat yang mereka ikuti.

Gambaran ini menunjukkan bahawa adat begitu sinonim dengan masyarakat Melayu. Hal ini kerana adat boleh mengubah kehidupan masyarakat ke arah kebaikan dengan penetapan undang-undang yang ditubuhkan. Ini sekali gus menjadikan Undang-undang Adat sebagai elemen dalam pembentukan sahsiah masyarakat Melayu untuk dijadikan pedoman kepada generasi akan datang. Sehubungan dengan itu, dalam melihat Undang-undang Adat sebagai tunjang pembentukan sahsiah, naskhah *Undang-undang Melaka* digunakan sebagai rujukan undang-undang dan peraturan. Manakala, naskhah *Sulalatus Salatin* digunakan untuk menganalisis peristiwa Undang-undang Adat yang diguna pakai dalam sistem politik, ekonomi, sosial, mahupun aspek keagamaan dalam ruang lingkup kehidupan masyarakat pada zaman kesultanan Melayu.

UNDANG-UNDANG RIMBA

Dalam pemahaman dan penetapan terhadap Undang-undang Adat yang diguna pakai, wujudnya satu undang-undang yang dikenali sebagai Undang-undang Rimba. Undang-undang ini diguna pakai oleh masyarakat Melayu dalam kehidupan mereka sebelum tertubuhnya Undang-undang Adat. Undang-undang Rimba yang turut dikenali sebagai hukum rimba dan hukum alam ini menjadi amalan dan praktik dalam kehidupan seharian. Sehubungan dengan itu, Undang-undang Rimba ini dianggap sebagai satu peraturan hidup secara lisan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu sebelum wujudnya Undang-undang Adat. Oleh itu, pengenalan terhadap Undang-undang Rimba ini memberi pemahaman bahawa undang-undang ini sememangnya berbeza dengan Undang-undang Adat yang menjadi pegangan masyarakat Melayu. Hal ini kerana, konsep Undang-undang Rimba ini lebih kepada undang-undang yang berunsur kekejaman dengan meninggalkan nilai kemanusiaan dalam diri insan demi kepentingan peribadi semata-mata.

Kenyataan tersebut bagi mengulas pendapat Jelani Harun (2008:131), yang menyatakan bahawa hukum yang bercorak "Undang-undang Rimba" ini mungkin telah menjadi amalan masyarakat Melayu yang menghuni rimba belantara atau persisiran laut Alam Melayu sejak ribuan tahun dahulu. "Undang-undang Rimba" mungkin sudah wujud dengan raja memerintah negeri berasaskan hukuman yang dibuatnya, dengan segala kuasa mengenakan paksaan terhadap rakyat, tanpa mengira sama ada mereka menerima atau menentang undang-undang tersebut. Berdasarkan kenyataan yang dikemukakan ini jelas menunjukkan bahawa Undang-undang Rimba ini merupakan undang-undang yang berunsur kekejaman dan kezaliman terhadap golongan bawahan demi kepentingan golongan atasan. Hal ini secara tidak langsung menolak kepentingan rakyat yang sememangnya berada di kedudukan paling bawah dalam sistem hierarki masyarakat Melayu.

Dalam naskhah *Sulalatus Salatin*, penggunaan Undang-undang Rimba boleh dilihat melalui peristiwa-peristiwa yang membabitkan hukuman kejam terhadap rakyat. Peristiwa pertama dapat dilihat menerusi pembunuhan Tuan Jana Khatib. Peristiwa ini berlaku hanya disebabkan oleh timbulnya salah faham antara golongan atasan dengan golongan bawahan. Selain itu, hukum rimba turut terkesan melalui

peristiwa pembunuhan budak yang telah menyelamatkan Singapura daripada serangan todak. Rentetan peristiwa ini adalah disebabkan oleh wujudnya perasaan hasad dengki serta sikap raja yang tidak menyelidiki terlebih dahulu sebarang berita yang diterima sebelum bertindak. Seterusnya, peristiwa yang bersabit dengan Undang-undang Rimba adalah berkaitan hukuman sula yang dikenakan terhadap anak Sang Rajuna Tapa akibat fitnah yang dilemparkan. Oleh itu, peristiwa-peristiwa yang dinyatakan ini menunjukkan kekejaman dan kezaliman dari segi hukuman yang dikenakan terhadap golongan masyarakat. Menurut Jelani Harun (2008: 5), ketiga-tiga peristiwa pembunuhan tersebut bukanlah berasaskan dekri Undang-undang Adat tetapi lebih berpunca daripada perasaan marah, cemburu, dengki, khianat, dan hukuman tanpa usul periksa raja yang memerintah ketika itu.

Selanjutnya, dalam konteks perbincangan ini pula, lahirlah undang-undang yang berkonsepkan Undang-undang Adat. Secara tidak langsung unsur kekejaman telah dikurangkan dalam pelaksanaan hukuman. Pengawalan unsur kekejaman ini menunjukkan bahawa Undang-undang Adat banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat pada zaman kesultanan Melayu. Hal ini sekali gus mendorong ke arah pembentukan sahsiah yang lebih baik untuk panduan generasi kini dengan paparan peristiwa yang berkaitan. Undang-undang yang berkaitan dengan sahsiah seperti perbuatan mencuri, berzina, mengamuk, minum arak dan membunuh ini dapat dijadikan panduan dengan kesan yang dialami akibat perbuatan berkenaan. Oleh itu, Undang-undang Rimba kian ditinggalkan dalam masyarakat Melayu dengan wujudnya Undang-undang Adat. Pemakaian Undang-undang Adat ini dijadikan pendamping untuk masyarakat membentuk kehidupan yang lebih berdisiplin di samping melaksanakan undang-undang yang ditubuhkan oleh kerajaan Melayu.

UNDANG-UNDANG DAN ADAT

Sebelum membentuk pemahaman terhadap Undang-undang Adat, pengkaji megemukakan terlebih dahulu pengertian undang-undang dan pengertian adat. Undang-undang merupakan salah satu disiplin ilmu yang menjadi tonggak kepada sistem peraturan masyarakat global. Undang-undang dipraktikkan di setiap negara sebagai satu langkah mewujudkan keharmonian semua pihak. Undang-undang juga merupakan mekanisme penyatuan yang berperanan dalam mengekal dan membina integrasi sosial. Manakala, adat merupakan satu perkara yang menjadi kebiasaan untuk diamalkan oleh masyarakat secara turun temurun. Hal ini kerana, masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan sebuah bangsa yang berpegang teguh dengan adat Melayu. Ia merupakan salah satu identiti dan jati diri masyarakat Melayu yang mempunyai nilai kesantunan yang tinggi.

Menurut Abdul Aziz Hussin, (2002: 2), undang-undang kadangkalanya disebut sebagai hukum. Undang-undang adalah aturan yang mengawal perjalanan hidup kita atau masyarakat. Ia dibuat oleh kerajaan atau negara. Ada juga undang-undang yang mengikut agama. Undang-undang bertujuan agar kehidupan masyarakat menjadi aman dan sejahtera. Undang-undang mengandungi apa-apa perbuatan yang dilarang atau ditegah dan apa pula perbuatan yang perlu kita buat atau lakukan. Jika seseorang tidak mematuhi larangan itu maka dia akan dihukum. Begitu juga jika ada orang yang tidak melaksanakan arahan oleh undang-undang, maka dia juga akan dihukum. Ada juga undang-undang yang fungsinya adalah untuk memastikan semua pihak mendapat hak masing-masing

Zainal Abidin Borhan, (1999: 413), menyatakan bahawa adat bukan sahaja merupakan struktur terkuat masyarakat Melayu tetapi juga memberi identiti atau jati diri kepada mereka. Adat adalah jati diri yang menyatupadukan seluruh anggota masyarakat. Adat adalah struktur atau binaan yang mengukuh keperibadian setiap anggota masyarakat. Seorang yang “beradat”, dan “tahu adat”, berbeza dengan seorang yang “tidak tahu adat” atau “tidak beradat”. Adat adalah satu kehalusan perlakuan, sikap, tindakan, yang dapat diterima sebagai betul dan wajar. Seorang yang beradat atau tahu adat ialah seorang yang bersahsiah tinggi, berwatak, mempunyai karakter yang baik, bermoral, beretika, dan semuanya diperoleh dari satu proses sosialisasi, ekulturasi atau pembudayaan yang telah diatur serta ditetapkan oleh adat.

Undang-undang dan adat telah mendasari tamadun Melayu sejak sekian lama yang menjadi suatu aturan yang perlu dipertahankan oleh bangsa Melayu. Undang-undang merupakan salah satu komponen penting dalam masyarakat Melayu terutamanya bagi mereka yang berpegang kuat terhadap adat Melayu itu sendiri.

Undang-undang adalah sebahagian dari adat. Begitu juga sebaliknya. Undang-undang tidak akan hidup segar tanpa adat, dan adat tidak boleh dikenakan hukuman tanpa memasukkan unsur undang-undang di dalamnya, dan dalam proses untuk meluluskan sesuatu undang-undang itu, ia ditangani oleh adat, kelaziman dan konvensyen.

(Nik Abdul Rashid b. Nik Abdul Majid, 2001: 31)

Hal ini menjelaskan bahawa undang-undang dan adat merupakan satu jalinan utama yang boleh membentuk nilai dalam diri masyarakat kerana keduanya itu dijadikan sandaran kepada masyarakat untuk menzahirkan nilai kemuliaan.

Setiap undang-undang yang ditubuhkan itu mempunyai fungsinya yang tersendiri dalam masyarakat. Undang-undang yang diguna pakai ini juga dapat membantu membendung permasalahan yang ditimbulkan sebagai langkah untuk mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Dengan termaktubnya undang-undang, maka etika masyarakat dapat dibentuk berdasarkan disiplin diri masing-masing dalam mematuhi undang-undang. Di samping itu, dalam kelompok masyarakat adat ini, golongan pemerintah turut memainkan peranan penting untuk menerapkan undang-undang yang ditubuhkan. Hal ini kerana, etika masyarakat turut memberi kesan terhadap sistem pemerintahan dan pentadbiran kerajaan itu sendiri. Oleh hal yang demikian, peranan golongan pemerintah itu dapat mendorong masyarakat bawahan mematuhi undang-undang yang tertubuh supaya bebas dari sebarang salah laku.

Di samping itu, undang-undang dan adat mempunyai kaitan yang amat rapat dalam membentuk nilai dan amalan positif kepada individu serta masyarakat kelompoknya. Masyarakat Melayu dahulu amat berpegang dengan adat yang dijadikan sebagai peraturan dalam membentuk tingkah laku serta etika yang baik. Perlanggaran adat itu dianggap telah melanggar undang-undang. Mengikut konsep masyarakat Melayu terdahulu, individu yang melanggar adat akan dikenakan hukuman bertujuan untuk memberi didikan agar lebih berdisiplin dalam mematuhi undang-undang. Ini ditegaskan dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Khazin Mohd Tamrin, (2001: 73) bahawa kepentingan adat dalam kehidupan masyarakat rumpun Melayu juga merupakan perkara yang lazim diketahui umum. Kehidupan beradat merupakan faktor penting kerana dicipta untuk menjamin orang Melayu supaya sentiasa bersikap positif, berdaya maju, berfikiran terbuka, dan sentiasa sensitif dalam perubahan baru. Undang-undang dan peraturan adat yang telah digubal dan diamalkan ternyata memperlihatkan kebijaksanaan orang Melayu dari segi pemikiran untuk menyusun dan membina masyarakat agar memiliki keperibadian serta nilai moral yang mulia.

Selain itu, Muhammad Ariff Ahmad (1993: 1), menyatakan bahawa wewenang adat sama juga dengan kekuasaan undang-undang. Perbezaannya hanyalah pada:

1. Adat terbentuk atas persetujuan mutual masyarakat yang beramal dengannya, sedangkan undang-undang atau perlembagaan itu digubal dan dibentuk dengan muafakat dan ketetapan yang ditentukan oleh penguasa atau pemerintah atau majlis perundangan yang mewakili pemerintah.
2. Adat itu terpakai turun temurun atas dasar setia dan percaya, manakala undang-undang itu dikuatkuasakan menurut pertimbangan mahkamah.

Sehubungan dengan itu, undang-undang dan adat sememangnya mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Oleh itu, pertembungan keduanya ini dibina menjadi satu gagasan yang dikenali sebagai Undang-undang Adat. Pengenalan ini adalah bersesuaian dengan kehidupan masyarakat kesultanan Melayu terdahulu yang berpegang pada peraturan yang diturunkan secara turun temurun.

PEMAHAMAN TERHADAP UNDANG-UNDANG ADAT

Dalam konteks perbincangan ini, Undang-undang Adat dijadikan sebagai landasan utama. Berpandukan pada dapatan kajian, Undang-undang Adat merupakan peraturan dan hukum yang digunakan oleh masyarakat dalam membentuk nilai positif bagi melahirkan tingkah laku yang baik. Ia juga dijadikan sebagai jaminan kepada masyarakat untuk membentuk kehidupan yang lebih teratur dan berdisiplin. Undang-undang Adat bukan tertumpu pada aspek peraturan dan larangan semata-mata, malah membabitkan seluruh kehidupan masyarakat Melayu dari aspek sosiopolitik, sosioekonomi mahupun

sosiobudaya. Ia melibatkan aspek pentadbiran negara, sistem dan taraf kehidupan masyarakat, kepercayaan dan keagamaan serta unsur-unsur yang dikaitkan dengan adat resam dan adat istiadat.

Di samping itu, Undang-undang Adat mempunyai kepentingannya sebagai landasan untuk membentuk keadaan dan situasi yang lebih baik. Ini dapat disusuli dengan kebiasaan amalan kesantunan Melayu seperti nilai-nilai murni, penggunaan moral yang baik dan etika yang mulia sehingga dapat membentuk sistem hukuman yang boleh mendatangkan kesan positif. Tambahan lagi, tindakan ini dapat mewujudkan satu bangsa yang bertamadun apabila menjadikan Undang-undang Adat sebagai rujukan kepada masyarakat untuk membentuk kehidupan. Manakala, berdasarkan penerapan Undang-undang Adat itu pula, ia merujuk pada perbuatan anggota masyarakat itu sendiri sama ada menerapkannya dengan baik atau sebaliknya. Ini kerana, penerapan Undang-undang Adat itu mempunyai kepentingannya dalam mencorak kehidupan masyarakat dan bangsa Melayu.

Dari segi konsepnya, Jelani Harun (2008: 25) menyatakan bahawa Undang-undang Adat Melayu ialah undang-undang atau peraturan yang terbentuk berdasarkan amalan yang diwarisi dalam masyarakat secara turun-temurun. Secara ringkas, Undang-undang Adat Melayu merupakan dekri yang disusun berasaskan adat istiadat, nilai, norma, moral atau adab yang menjadi amalan hidup turun-temurun zaman kesultanan Melayu. Ia khususnya sebagai panduan dan kawalan kepada raja serta pembesar dalam melaksanakan proses pemerintahan negara. Ia juga pengadilan terhadap ahli masyarakat. Selain itu, Norazit Selat (2001: 89), dalam penulisannya pula menyatakan bahawa di dalam konteks hukum adat, adat mengintegrasikan individu-individu dalam masyarakat di bawah satu sistem norma dan nilai yang diwarisi dan didukung bersama oleh mereka yang mempunyai satu keseragaman. Adatlah yang membentuk peribadi dan jati diri seseorang itu, dan dalam konteks orang Melayu. Jelasnya, di mana orang Melayu berada, mereka akan disatukan oleh kesamaan norma dan nilai ini. Kesamaan norma dan nilai inilah yang akan menonjolkan identiti mereka itu.

Berdasarkan pada pengertian oleh para sarjana tersebut, jelaslah bahawa Undang-undang Adat itu berada dalam kelasnya yang tersendiri. Pendirian yang dipegang oleh Undang-undang Adat ini mampu membawa masyarakat ke arah kebaikan. Ini berkait rapat dengan sahsiah masyarakat sekiranya Undang-undang Adat yang dibina itu diterapkan sebaiknya. Sebagai contoh, naskhah Undang-undang Adat seperti *Undang-undang Melaka*, *Undang-undang Laut*, *Undang-undang Johor*, *Hukum Kanun Pahang*, dan *Hukum Maksiat di Kelantan* mempunyai banyak peraturan dan larangan untuk dijadikan panduan kepada masyarakat. Oleh itu, penerapan Undang-undang Adat ini dalam kehidupan seharian akan mewujudkan keadaan yang harmoni sekali gus melahirkan sistem pentadbiran yang kuat dalam sesuatu bangsa. Manakala, pengabaian terhadap undang-undang ini boleh menyebabkan pihak yang bertanggungjawab hilang pegangan dalam menguruskan sahsiah masyarakat. Lantaran itu, Undang-undang Adat itu harus diterapkan sebaiknya bagi menjaga kepentingan semua pihak dan bukannya untuk kepentingan pihak tertentu sahaja.

UNDANG-UNDANG ADAT DAN KAITANNYA DENGAN SAHSIAH

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (2013: 1366), kata sahsiah membawa maksud keperibadian dan peribadi. Ini dapat disimpulkan bahawa sahsiah berkait rapat dengan sebarang bentuk tindakan, tingkah laku dan perbuatan yang dilakukan oleh seseorang. Sementara itu, dalam mengawal sahsiah individu serta kelompok masyarakat ini, Undang-undang Adat dijadikan sandaran utama. Hal ini kerana, individu itu sememangnya mudah terdedah dengan kesalahan yang berkaitan dengan sahsiah seperti perbuatan mencuri, membunuh, mengamuk dan sebagainya. Selain itu, Undang-undang Adat yang disertakan dengan hukuman bagi setiap kesalahan dapat memberi impak kepada pelaku serta anggota yang lain. Secara tidak langsung, ini dapat mewujudkan individu yang lebih bertanggungjawab dengan setiap tindakan yang dilakukan. Dalam konteks yang lebih umum, sastera itu sendiri berperanan dalam membentuk sahsiah masyarakat seperti yang diutarakan oleh sarjana berikut:

“...sastera adalah cerminan kehidupan manusia dan alam dengan segala harapan dan impiannya, segala kompleksiti dan kontradiksinya, segala tragedi dan humornya. Ia juga merupakan lukisan rasa melalui kata-kata, bahasa lisan dan tulisan. Untuk lebih mengenali kepelbagaian dimensi yang wujud pada makhluk Tuhan yang paling tinggi dengan segala potensi...”

(Mohd. Kamal Hassan, 1991: 53)

Ini jelas menunjukkan bahawa Undang-undang Adat dan sahsiah mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Ini juga dikuatkan lagi dengan kesan-kesan penerapan Undang-undang Adat yang dapat dikenal pasti terhadap penubuhan undang-undang tersebut.

Selain itu, setiap individu mempunyai sikap dan kelakuan yang berbeza. Ada yang baik dan ada juga yang sebaliknya. Dalam konteks ini, sebagai langkah membendung berlakunya perbuatan sahsiah yang tidak baik, Undang-undang Adat ditubuhkan dalam pentadbiran kesultanan Melayu. Menurut Khazin Mohd Tamrin, (2001: 73), undang-undang dan peraturan adat yang telah digubal dan diamalkan ternyata memperlihatkan kebijaksanaan orang Melayu dari segi pemikiran untuk menyusun dan membina masyarakat agar memiliki keperibadian dan nilai moral yang mulia. Kenyataan beliau ini menunjukkan bahawa, Undang-undang Adat mampu membawa manusia membina sahsiah atau keperibadian yang mulia sebagaimana yang diperjuangkan oleh kerajaan.

Berhubung dengan hal ini, sahsiah merupakan satu proses pembentukan identiti diri yang terpuji untuk membentuk keperibadian yang unggul. Kesantunan dan kesopanan tindakan yang dilakukan menggambarkan nilai sahsiah yang tinggi sebagai pelengkap keperibadian diri setiap individu. Seseorang yang mempunyai nilai sahsiah yang positif akan sentiasa berwaspada dalam setiap tindakan yang dilakukan demi menjaga keamanan dan kestabilan kelompok masyarakat yang didiami. Manakala, individu yang negatif sahsiahnya akan sentiasa mengundang permasalahan kepada ramai pihak. Oleh itu, penerapan Undang-undang Adat dalam situasi berkaitan dengan sahsiah masyarakat sememangnya mempunyai kebaikannya yang tersendiri. Sehubungan dengan itu, naskhah *Undang-undang Melaka* dan *Sulalatus Salatin* dijadikan rujukan utama dalam kajian ini.

UNDANG-UNDANG BERKAITAN DENGAN KESALAHAN SAHSIAH DALAM UNDANG-UNDANG MELAKA YANG DITERAPKAN DALAM SULALATUS SALATIN

1. Kesalahan Membunuh

Membunuh merupakan satu kesalahan besar yang bukan sahaja bersalahan dengan Undang-undang Adat, malah turut ditegah dalam agama Islam. Haron Din et al., (1997: 291), menyatakan bahawa membunuh dengan sengaja adalah perbuatan yang terkutuk dan amat ditegah oleh Islam. Ia suatu dosa besar yang sewajarnya dibalas di dunia ini dengan pembunuhan seperti itu juga. Oleh hal yang demikian, pembunuh harus mendapat pembalasan yang setimpal dengan perbuatan yang dilakukan. Menurut Daud Muhammad, (2015: 27), pembalasan membawa kebaikan dan bukannya penderitaan. Dengan pembalasan diharap akan dapat menghalang pihak daripada melakukan jenayah seterusnya.

Berhubung dengan perbincangan ini, kesalahan membunuh ini berkait dengan ketentuan adat dan Islam. Ini berhubung dengan kesalahan membunuh tanpa pengetahuan raja yang terdapat dalam fasal 5 naskhah *Undang-undang Melaka* sebagaimana petikan yang berikut:

Fasal 5

Maka, inilah kisahnya pada menyatakan orang membunuh dengan tiada setahu raja-raja atau tiada dengan setahu orang besar-besar itu...

...Jikalau tiada dengan setahu raja atau hakim harus ia dibunuh, maka tiadalah salahnya lagi.

(*Undang-undang Melaka, 2003: 109*)

Undang-undang Melaka menetapkan agar individu yang membunuh tanpa pengetahuan raja itu boleh dikenakan hukuman bunuh juga. Hukuman bunuh ini sememangnya ditetapkan menurut agama Islam. Berhubung dengan kesalahan sahsiah ini, peristiwa membunuh ini dapat dikenalpasti dalam naskhah *Sulalatus Salatin*.

Raja Siak, Sultan Ibrahim telah mengarahkan Tun Jana Pakibul membunuh rakyat yang telah melakukan kesalahan terhadapnya. Walau bagaimanapun, arahan yang diberikan kepada Tun Jana Pakibul ini tidak dinyatakan terlebih dahulu ke Melaka yang merupakan kuasa besar ketika itu. Tindakan raja Siak yang membunuh tanpa memberitahu ke Melaka ini menimbulkan kemarahan raja Melaka ketika itu iaitu Sultan Alau'd-Din Riayat Syah. Baginda telah mengutus Laksamana pergi ke Siak bagi menyelesaikan masalah berkenaan.

Alkisah maka tersebutlah perkataan Sultan Ibrahim, Raja Siak. Ada seorang salah pada baginda, maka disuruh baginda bunuh pada Tun Jana Pakibul. Maka kedengaran ke Melaka, Raja Siak membunuh orang tiada memberitahu ke Melaka...

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 184)

Hukuman bunuh yang sepatutnya dikenakan kepada orang yang membunuh tanpa pengetahuan raja atau hakim atau orang besar-besar tidak dikenakan ke atas Raja Siak. Hal ini adalah disebabkan oleh status raja yang dipegang oleh raja Siak.

Bagi menebus kesalahannya, Raja Siak telah mempersembahkan surat memohon ampun kepada sultan Melaka.

...Maka Sultan Ibrahim pun persembah surat ke Melaka, demikian bunyinya: “Paduka kakanda empunya sembah, datang kepada paduka adinda, melainkan ampun paduka adinda juga diperbanyak akan paduka kakanda.”...

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 185)

Sembah ampun yang dihulurkan oleh Sultan Ibrahim itu secara tidak langsung menunjukkan penyelesaian pada masalah ini. Oleh hal yang demikian, hukuman terhadap kesalahan sahsiah ini tidak diterapkan pada zaman kesultanan Melayu Melaka, namun tetap memberi impak positif kepada masyarakat agar berhati-hati dalam melakukan sebarang tindakan terutama bersabit dengan kesalahan membunuh.

2. Kesalahan Mengamuk

Mengamuk juga merupakan kesalahan yang bersabit dengan sahsiah individu yang berbentuk negatif. Menurut Mat Saat Baki, (1993: 372), amuk merupakan tingkah laku tidak normal dan tidak boleh diterima oleh masyarakat. Amuk menunjukkan tingkah laku ganas yang boleh mencederakan dan memusnahkan bukan sahaja diri individu yang mengamuk itu, malahan juga mangsa yang diamuk. Berdasarkan pendapat ini, dapat dijelaskan bahawa amukan ini bermula dari satu perasaan bimbang dan malu yang tidak terkawal untuk menghadapi orang sekeliling. Oleh itu, timbullah satu sikap yang kasar dan ganas sehingga pada tahap ingin membunuh apabila tidak dapat dikawal.

Oleh itu, dalam kajian ini, perbincangan mengenai orang mengamuk ini menjurus pada bentuk hukuman yang dikenakan. Ini sebagaimana ketetapan undang-undang yang dibuat dalam naskhah *Undang-undang Melaka*. Hukuman bagi pesalah yang mengamuk adalah dihukum bunuh. Berikut adalah petikan fasal keenam dalam naskhah Undang-undang Melaka mengenai hukuman terhadap kesalahan mengamuk.

Fasal 6

Fasal yang keenam pada menyatakan segala hukum orang mengamuk itu ‘abdi atau orang utang-utangan, dibunuh hukumnya.

(*Undang-undang Melaka*, 2003: 110)

Amukan sering digambarkan oleh pengarang Melayu dalam karya-karya klasik. Amuk boleh timbul apabila lahirnya perasan tidak puas hati sebagai tanda protes. Melalui *Sulalatus Salatin*, peristiwa orang mengamuk ini tergambar melalui tindakan Hang Tuah yang telah membunuh orang mengamuk ketika berada di Majapahit. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa hukuman bunuh yang dikenakan ke atas orang yang mengamuk telah diterapkan pada zaman kesultanan Melayu. Hal ini adalah sebagaimana petikan di bawah:

...maka orang Jawa itu pun kemalu-maluan, lalu ia mengamuk dengan golok Sunda. Maka orang pun banyaklah mati ditikamnya, seorang pun tiada dapat mengembari dia. Maka orang pun gemparlah berlarian ke sana ke mari. Maka Hang Tuah pun dititahkan Sultan Mansur Syah mengembari Jawa mengamuk itu...

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 119)

Ketetapan hukuman bunuh yang dikenakan ke atas orang yang mengamuk telah diterapkan dalam naskhah *Sulalatus Salatin*. Mengamuk ini merupakan nilai sahsiah negatif yang harus dielakkan oleh setiap

individu bagi mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Perbuatan mengamuk ini menggambarkan unsur kekerasan yang boleh menyebabkan diri sendiri menjadi korban. Oleh itu, perbuatan sahsiah yang negatif ini tidak seharusnya timbul dalam masyarakat hanya untuk menunjukkan tanda protes dan ketidakpuasan hati.

3. Kesalahan Mencuri

Perbuatan mencuri ini dilarang sama sekali kerana kegiatan ini boleh menimbulkan permusuhan dan ketidaktenteraman dalam kalangan anggota masyarakat. Perbuatan mencuri ini dapat ditafsirkan sebagai suatu perbuatan yang dilakukan dengan mengambil barang milik orang lain tanpa keizinan dengan niat untuk memiliki barang tersebut. Muhammad Abdul Wahhab, (2007: 146), mendefinisikan mencuri adalah mengambil barang orang lain yang disimpan tanpa izin kepada pemiliknya dengan maksud untuk memiliki. Manakala, Haron Din et al., (1997: 264) yang menyatakan bahawa mencuri adalah perbuatan keji yang dicela oleh Allah dan Rasul-Nya. Beliau menambah bahawa perbuatan ini dikutuk oleh masyarakat dan dihina oleh manusia. Pencuri adalah pencabul perikemanusiaan dan penggugat ketenteraman. Berikut adalah petikan naskhah *Undang-undang Melaka* berhubung dengan kesalahan mencuri.

Fasal 7

...Adapun pada hukum Allah Ta'ala, orang mencuri itu tiada harus dibunuh melainkan dikudung tangannya juga...

(*Undang-undang Melaka, 2003: 111*)

Naskhah *Undang-undang Melaka* menetapkan hukuman terhadap pencuri adalah dengan mengudungkan tangannya. Hukuman ini adalah selari dengan hukum Islam sebagaimana yang diperkatakan oleh Haron Din et al., (1997: 264), bahawa hukuman memotong tangan pencuri adalah undang-undang Allah. Manusia diperintahkan untuk mematuhi undang-undang tersebut. Oleh sebab Allah yang menjadikan manusia, maka Allah lah yang Maha Mengetahui tentang tabiat manusia. Untuk kebaikan manusia seluruhnya, maka hukum potong tangan itu disyariatkan. Mencuri merupakan salah satu kesalahan yang melibatkan sahsiah individu yang boleh menimbulkan kekacauan dalam masyarakat. Aktiviti mencuri boleh menyebabkan individu kehilangan harta benda dan secara tidak langsung menyebabkan individu terbabit mengalami kerugian.

Berdasarkan *Undang-undang Melaka* dalam fasal 11, kesalahan sahsiah yakni mencuri boleh menyebabkan individu terbabit dikenakan hukuman potong tangan. Peristiwa pembunuhan pencuri ini tergambar dalam naskhah *Sulalatus Salatin*.

...Pada suatu malam Seri Maharaja berkawal, bertemu dengan seorang pencuri; maka diparang oleh Seri Maharaja dengan pedang bertupai, putus bahunya; maka tersampai pada alang kedai itu. telah hari siang maka perempuan yang punya kedai itu pun hendak membuka kedai, maka dilihatnya lengan orang tersampai pada alang kedainya itu; maka ia pun terkejut, lalu menjerit...

(*Sulalatus Salatin, 2014: 175*)

Petikan di atas jelas menggambarkan hukuman kudung tangan yang dikenakan terhadap pencuri. Tindakan Temenggung yang mengudungkan tangan rakyat yang mencuri itu jelas menunjukkan bahawa undang-undang diterapkan dalam naskhah *Sulalatus Salatin*. Penerapan undang-undang ini sebagai satu langkah untuk mewujudkan keamanan dalam masyarakat yang dimusnahkan oleh pencuri. Hal ini memetik kenyataan dari Wahbah Az-Zuhayli, (1992: 20), yang menatakan bahawa pelaksanaan hukuman potong tangan merupakan satu cara pencegahan yang sesuai dengan penjenayah yang mengancam masyarakat. Ia merupakan hukuman yang memberi rahmat keamanan kepada orang ramai umumnya.

4. Kesalahan Menawar (Menggangu) Anak Orang

Perbuatan mengganggu anak orang adalah satu perbuatan yang tidak beradab. Perbuatan ini sama sekali bercanggah dengan nilai dan norma masyarakat Melayu yang berpegang pada adab kesopanan. Menurut Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh, (2015: 123), adab dalam kehidupan mencakupi aspek pergaulan, tingkal laku, tutur kata, budi bahasa dan kesopanan yang kesemuanya mempunyai kaitan dengan pendidikan dan etika manusia itu sendiri.

Sehubungan dengan itu, pentadbiran kerajaan kesultanan Melayu telah menggubal undang-undang berkaita dengan kesalahan ini. Tindakan ini bertujuan mengawal individu daripada bertindak sesuka hati kerana perbuatan ini menunjukkan tanda tidak hormat kepada keluarga mangsa. Berikut adalah petikan fasal 12 dalam naskhah *Undang-undang Melaka*:

Fasal 12

...Adapun orang menawar anak orang itu, jikalau tahu bapanya, harus didenda oleh hakim dua tahlil sepaha. Jikalau patut, didudukkan ia sekali, minta belanja...

(*Undang-undang Melaka*, 2003: 114)

Mengikut ketetapan fasal 12 dalam naskhah *Undang-undang Melaka* tersebut, individu yang didapati bersalah akan dikenakan hukuman denda sebanyak dua tahlil sepaha. Walau bagaimanapun, sekiranya mendapat keizinan daripada bapa pihak perempuan, mereka boleh dikahwinkan dengan meminta mas kahwinnya.

Perbuatan mengganggu anak orang ini adalah salah satu perbuatan yang membabitkan sahsiah seseorang. Perbuatan ini tidak disenangi kerana boleh mengganggu ketenteraman dan keadaan sekeliling. Dalam naskhah *Sulalatus Salatin*, peristiwa ini tergambar melalui kisah antara Pangeran Surabayara Patih Adam dengan anak Seri Nara Diraja bernama Tun Minda. Peristiwa ini berlaku ketika Patih Adam bertandang ke Melaka mengadap Sultan Mahmud Syah. Pada suatu masa, ketika Patih Adam duduk di balai Seri Nara Diraja, Tun Minda yang pada ketika itu masih kecil berlarian di hadapan Patih Adam. Perbuatan itu menyebabkan Seri Nara Diraja menyatakan bahawa Tun Minda ingin bersuamikan Patih Adam.

... Maka Tun Minda berlari-lari di hadapan Seri Nara Diraja; maka berkata Seri Nara Diraja pada Patih Adam, “Dengarlah kata anak hamba ini, ia hendak berlakikan Patih Adam.”

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 210)

Kata-kata Seri Nara Diraja itu telah dipandang serius oleh Patih Adam. Oleh itu, sekembalinya Patih Adam ke Jawa, beliau telah mengambil seorang budak perempuan yang sebaya dengan Tun Minda. Beliau mengambil budak perempuan itu adalah untuk mengetahui perkembangan usia Tun Minda untuk layak berkahwin. Setelah budak perempuan yang diambil itu cukup usianya, dia telah memberi keizinan budak perempuan itu berkahwin. Oleh itu, sudah tiba masanya beliau pergi ke Melaka untuk menuntut ‘janji’ Seri Nara Diraja. Walau bagaimanapun, janji yang dituntut oleh Patih Adam itu hanya dikatakan gurauan oleh Seri Nara Diraja kerana pada ketika itu Tun Minda masih kecil.

“... Manira datang ini hendak menuntut janji ankeda pakanira, hendak mendudukkan manira dengan anakanda.” Maka kata Seri Nara Diraja, “Tiada hamba berjanji hendak mendudukkan anak hamba dengan tuan hamba”. Maka kata Patih Adam, “Tiadakah tatkala anakanda lagi kecil, berlari-lari, maka kata tunku, ‘Patih Adam, dengar juga anak hamba ini hendak berlakikan tuan hamba.’” Maka sahut Seri Nara Diraja, “Sungguh hamba berkata demikian, tetapi hamba bergurau juga dengan tuan hamba...”

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 210)

Ini menimbulkan perasaan tidak puas hati Patih Adam terhadap Seri Nara Diraja. Oleh itu, Patih Adam bertindak untuk mengganggu Tun Minda yang pada ketika itu berseorangan di rumahnya. Patih Adam telah mengupah pengawal untuk memudahkannya memasuki rumah Tun Minda. Setelah berjaya memasuki rumah berkenaan, Patih Adam bertindak untuk memperkosa Tun Minda seperti gambaran peristiwa naskhah *Sulalatus Salatin* yang berikut:

Hatta maka dinaiki oranglah rumah itu; maka dilihat orang Patih Adam duduk bertindih paha dengan Tun Minda...

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 212)

Keadaan ini telah menimbulkan kekecohan akibat daripada sikap manusia yang tidak menjaga sahsiahnya. Manusia sanggup bertindak di luar batasan kesantunan demi memenuhi hajat dan tuntutan peribadi

semata-mata. Patih Adam sanggup membunuh Tun Minda sekiranya dia dibunuh kerana dia berada berhampiran dengan Tun Minda.

Melihat pada situasi tersebut, Seri Nara Diraja terpaksa berubah fikiran. Dia melarang pengikut-pengikutnya membunuh Patih Adam kerana memikirkan nasib Tun Minda. Berikut adalah gambaran peristiwa dalam naskhah *Sulalatus Salatin*.

...Maka kata Seri Nara Diraja, “Janganlah Patih Adam itu dibunuh, takut anak hamba itu dibunuhnya; kerana pada hamba, jikalau seluruh Jawa itu pun sekali habis, jika anak hamba mati tiada hamba samakan.” Maka tiadalah jadi Patih Adam dibunuh orang, maka dikahwinkan oleh Seri Nara Diraja dengan Tun Minda.

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 212)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas menunjukkan bahawa Seri Nara Diraja telah menerapkan undang-undang yang terdapat dalam naskhah *Undang-undang Melaka*. Dia telah mengahwinkan Patih Adam dengan Tun Minda kerana dirasakannya patut berbuat demikian akibat dari tindakan Patih Adam yang mengganggu Tun Minda.

5. Kesalahan Berzina

Perbuatan berzina ini merupakan satu kesalahan sahsiah yang tidak dipandang enteng dalam masyarakat. Berzina merupakan perlakuan sumbang yang dilakukan oleh lelaki dan perempuan tanpa ikatan yang sah iaitu perkahwinan. Muhammad Abdul Wahad, (2007: 82) menyatakan bahawa zina ini adalah mengadakan hubungan kelamin antara lelaki dan wanita di luar ikatan pernikahan yang sah. Perzinaan merupakan perbuatan jijik, baik dalam kaca mata agama mahupun kaca mata masyarakat.

Berikut adalah kesalahan zina beserta dengan hukumannya yang ditetapkan dalam fasal 12 menerusi naskhah *Undang-undang Melaka*:

Fasal 12

...Adapun pada hukum Allah Taala, jika ia muhsan itu direjam. Adapun erti muhsan itu yang berlaki, jikalau yang ada yang beristeri. Itulah erti muhsan, jikalau tiada muhsan didera dulapan puluh palu dengan tabi'at. Itulah hukumannya dengan tiada bersalahan...

(*Undang-undang Melaka*, 2003: 114)

Berdasarkan petikan kedua-dua fasal di atas, *Undang-undang Melaka* menetapkan bahawa penzina lelaki dan perempuan yang sudah berkahwin dihukum rejam sampai mati, manakala penzina lelaki dan perempuan yang belum berkahwin dihukum rotan sebanyak 100 kali.

Berhubung dengan perbincangan ini, undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan sahsiah iaitu perbuatan berzina ini dapat dikesan melalui naskhah *Sulalatus Salatin*. Dalam naskhah ini, peristiwa berkaitan zina ini berlaku dalam masyarakat Melayu Melaka yang melibatkan pemimpin negeri sendiri. Peristiwa ini melibatkan sultan Melaka, Sultan Mahmud Syah yang berzina dengan isteri Tun Biajid anak kepada Laksamana Hang Tuah. Berikut adalah petikan naskhah yang menunjukkan peristiwa berkenaan.

Sekali persetua Sultan Mahmud Syah bermain dengan isteri Tun Biajid, anak Laksamana Hang Tuah; pada tatkala itu Tun Biajid tiada di rumah, pergi ke Merba, kerana Merba pegangannya. Maka pada suatu malam Sultan Mahmud pergi ke rumah isteri Tun Biajid; setelah dinihari maka baginda pun kembali...

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 193)

Ketika kejadian, Tun Biajid tidak ada di rumah kerana bertugas di luar negeri. Walau bagaimanapun, keputeraan Tun Biajid ke rumahnya pada waktu pagi menyebabkannya terserempak dengan Sultan Mahmud Syah yang baru pulang dari rumah isterinya. Pertembungan ini menimbulkan kemarahan Tun Biajid kepada Sultan Mahmud Syah yang sanggup berzina dengan isterinya, sedangkan dia keluar bekerja.

...maka bertemu dengan Sultan Mahmud Syah yang kembali dari rumah isterinya. Maka Tun Biajid pun tahu akan Sultan Mahmud bermain dengan isterinya itu; jikalau hendak dibunuhnya

pada masa itu dapat, kerana tiada berapa orang yang mengiringkan baginda; daripada ia hamba Melayu, tiada ia mahu mengubah setianya, sekadar lembingnya ditimang-timangnya.

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 193)

Tun Biajid bertindak menimang-nimang lembing yang dipegangnya untuk membunuh Sultan Mahmud Syah. Namun, niatnya itu dibatalkan kerana tidak mahu mengubah kesetiaannya kepada seorang raja. Walau bagaimanapun, tindakan Tun Biajid yang menimang-nimang lembing yang dipegangnya itu menimbulkan kemarahan pengiring Sultan Mahmud. Mereka bertindak ingin membalas kembali, tetapi ditegah oleh Sultan Mahmud Syah. Tegahan itu bermakna baginda mengetahui bahawa perbuatannya itu salah dan tindakan Tun Biajid itu benar sekiranya ingin membunuh baginda.

Walaupun bagaimanapun, hukuman yang ditetapkan dalam *Undang-undang Melaka* itu tidak diterapkan dalam naskhah. Hal ini kerana, kejadian ini adalah melibatkan raja sendiri yang sememangnya kebal dari sebarang tindakan undang-undang. Namun, peristiwa ini menunjukkan salah satu contoh kesalahan sahsiah seorang raja yang mampu melemahkan sistem pentadbiran kerajaan. Baginda seorang yang mementingkan diri sendiri sehingga sanggup melakukan zina dengan isteri orang. Sebagaimana yang terdapat dalam *Undang-undang Melaka*, hukuman yang seharusnya dikenakan terhadap pezina tidak diterapkan dalam naskhah *Sulalatus Salatin*. Hal ini disebabkan oleh status raja yang berkuasa terhadap undang-undang.

6. Kesalahan Meminum Arak

Arak adalah benda haram yang boleh mendatangkan kemabukan kepada individu yang mengambilnya. Menurut Haron Din, (1997: 275-276), setiap minuman yang memabukkan adalah haram diminum sama ada sedikit ataupun banyak, sama ada memabukkan peminumnya ataupun tidak. Ini menunjukkan bahawa undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan meminum arak bukan sahaja ditegah dalam Undang-undang Adat, malah turut dinyatakan dalam hukum Islam. Secara tidak langsung, perbuatan meminum arak ini bertentangan dengan nilai sahsiah yang baik yang ditentang oleh mana-mana undang-undang sekalipun. Berikut adalah petikan *Undang-undang Melaka* berhubung dengan hukuman bagi peminum arak.

Fasal 47

...had minum tuak arak. Barang siapa minum tuak arak, barang segala yang mabuk, jika abdi empat puluh palu. Jika merdeheka dua puluh palu juga. Jika abdi dihadkan dua perkara: suatu dengan ikrar atau dengan dua orang saksi laki-laki. Tiada dengan dihadkan dengan cium bau tuak mulutnya yakni tiada dihadkan padanya.

(*Undang-undang Melaka*, 2003: 142)

Hukuman ke atas individu yang meminum arak dalam yang ditetapkan dalam naskhah *Undang-undang Melaka* ini dibahagikan pada dua kategori. Kategori pertama iaitu sekiranya abdi yang meminum arak, hukumannya adalah dipalu sebanyak 40 kali. Manakala, kategori kedua sekiranya merdeheka yang meminum arak, hukumannya adalah dipalu sebanyak 20 kali.

Menjurus pada penerapan undang-undang ini, naskhah *Sulalatus Salatin* dikesan adanya peristiwa berkaitan dengan perbuatan meminum arak ini. Peristiwa ini melibatkan peminum arak yang bernama Seri Rama. Ketika Bendahara Seri Maharaja sedang berbicara dengan Maulana Sadar Jahan mengenai ilmu, datang seorang rakyat yang bernama Seri Rama. Seri Rama datang dalam keadaan mabuk dan berkata ingin turut sama mengaji. Maulana Sadar Jahan yang melihat Seri Rama dalam keadaan mabuk itu berkata bahawa arak merupakan najis.

...Maka kata Seri Rama, "Mari beta turut mengaji." Maka kata Bendahara, "Marilah Orang Kaya duduk." Maka dilihat oleh Makhdom Sadar Jahan Seri Rama itu mabuk, dan mulutnya pun bau arak. Maka kata Makhdom Sadar Jahan, "Al-k hamru ummu 'l-khabaith," ertinya: arak itu ibu segala najis...

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 24)

Tindakan Seri Rama ini ibarat mempersendakan agama Islam kerana ingin belajar ilmu agama dalam keadaan mabuk, sedangkan arak itu diharamkan kepada peminumnya.

Namun demikian, naskah *Sulalatus Salatin* tidak menggambarkan penerapan hukuman yang melibatkan kesalahan meminum arak ini. Hukuman yang ditetapkan dalam naskah *Undang-undang Melaka* ibarat dipandang ringan oleh pemerintah, sedangkan perbuatan ini menunjukkan sahsiah manusia yang tidak bertamadun.

KESAN PENERAPAN UNDANG-UNDANG ADAT TERHADAP KESALAHAN SAHSIAH

Pemakaian undang-undang dalam pada zaman kesultanan Melayu memberi kesan terhadap masyarakat. Kesan ini turut sampai kepada generasi terkini terutamanya perbuatan yang berkaitan dengan kesalahan sahsiah. Namun begitu, penerapan Undang-undang Adat ini bukan sepenuhnya diterapkan kepada masyarakat. Ini kerana ia melibatkan faktor seperti kekuasaan pemimpin yang melebihi kuasa undang-undang. Walau bagaimanapun, kewujudan undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan sahsiah ini memberi impak positif kepada masyarakat. Antara kesan penerapan Undang-undang Adat yang dioeroleh berpandukan pada kajian ini adalah sebagaimana yang berikut:

1. Memberi kesedaran kepada masyarakat

Setiap kesalahan yang dilakukan oleh individu akan memberi kesedaran serta keinsafan kepada individu yang lain. Ini melibatkan penerapan undang-undang tersebut sekiranya kesalahan sahsiah ini diadili dengan selayaknya. Contohnya, membunuh merupakan kesalahan berat yang melibatkan nyawa manusia yang lain seperti yang dikatakan oleh Haron Daud, (1987: 72), bahawa hukuman yang dikira paling berat ialah bunuh. Oleh hal yang demikian, pengkategorian yang dibuat dalam Undang-undang Adat berkaitan dengan kesalahan membunuh ini menunjukkan bahawa adat dan agama sememangnya menegah perbuatan ini. Kesalahan membunuh ini dikategorikan kepada pelbagai situasi dalam hukum adat seperti membunuh tanpa pengetahuan raja, membunuh hamba raja dan membunuh dengan sengaja. Walau bagaimanapun, hukumannya hampir sama walaupun berbeza situasi, iaitu kesalahan membunuh haruslah dibalas dengan hukuman bunuh juga dalam konteks adat mahupun agama Islam.

Sehubungan dengan itu, hukuman yang ditetapkan oleh Undang-undang Adat ini mampu memberi kesedaran kepada masyarakat. Anggota masyarakat akan lebih bertanggungjawab terhadap nyawa orang lain kerana manusia tidak layak untuk membunuh atau mencabut nyawa orang. Oleh itu, dengan adanya Undang-undang Adat ini, ia mampu mengawal setiap perilaku manusia agar berfikir dahulu sebelum bertindak. Ini mengulas pendapat yang diutarakan oleh Mahammad Yusoff Hashim, (1989: 198), bahawa undang-undang merupakan sebahagian daripada keseluruhan sistem masyarakat yang bergerak, mengawal tindak tanduk manusia dan yang sering membentuk unsur-unsur dinamik selaras dengan dinamiknya kebudayaan dalam masyarakat. Secara tidak langsung, ia berkait rapat dengan kepekaan manusia terhadap penubuhan Undang-undang Adat tersebut. Hal ini kerana, Undang-undang Adat berperanan besar untuk memberi kesedaran kepada masyarakat agar terhindar dari sebarang kesalahan yang membabitkan tingkah laku.

2. Mengelakkan kesalahan sama dilakukan oleh masyarakat

Sebagai sebuah negara yang mempunyai kelompoknya, penubuhan undang-undang sememangnya perlu untuk dijadikan panduan. Undang-undang membantu mengawal individu daripada terus melakukan kesalahan yang sama berulang kali. Hal ini berhubung kait dengan penerapan hukuman terhadap masyarakat yang boleh menjadi iktibar kepada individu tersebut serta orang lain. Hukuman yang ditetapkan dalam Undang-undang Adat itu melibatkan hukuman dari segi mental dan fizikal. Hal ini menjadikan masyarakat merasa serik dengan hukuman yang dijalankan kerana ini melibatkan maruah diri dan keluarga. Oleh hal yang demikian, demi menjaga maruah, manusia dengan sendirinya akan sedar dengan akibat yang bakal diterima sekiranya disabitkan melanggar Undang-undang Adat.

Berdasarkan pada undang-undang yang ditetapkan, hukuman yang dikenakan ini bukan untuk menakutkan masyarakat semata-mata, tetapi bertindak sebagai jalan untuk mendidik sahsiah masyarakat. Ini juga adalah untuk memberi pengajaran kepada masyarakat agar menjadi insan yang berguna dan tidak

menyusahkan orang lain. Hal ini sekali gus menjadi pendorong kepada masyarakat agar tidak melakukan perkara yang boleh mendatangkan masalah serta mampu dari membendung kejadian sama berulang kembali terutama melibatkan kawasan yang didiami.

3. Menjaga keamanan negara

Keharmonian dan keamanan sesebuah negara merupakan perkara yang diimpikan oleh setiap kelompok yang mendiami kawasan tersebut. Keamanan yang dikecapi memudahkan masyarakat menjalankan kehidupan seharian tanpa sebarang masalah. Oleh itu, undang-undang memainkan peranan besar bagi memastikan negeri atau negara itu sentiasa berada dalam keadaan yang harmoni. Hal ini merujuk kepada kenyataan yang dikemukakan oleh Mahammad Yusoff Hashim, (1989: 198), bahawa tujuan undang-undang yang paling asas ialah untuk menentukan peraturan kerana untuk menjaga dan mengawal keamanan dan kesejahteraan sosial serta keharmonian masyarakatnya.

Wujudnya keamanan dalam negara ini mampu dibina berdasarkan tanggungjawab masyarakat kepada kelompoknya. Hal ini kerana, individu itu bukan sahaja membawa namanya semata-mata, malah turut melibatkan keluarga, agama dan bangsa. Oleh itu, sudah menjadi kewajipan individu mengikut setiap peruntukan yang telah dimuatkan dalam undang-undang kerana undang-undang itu adalah bertujuan untuk menjaga keamanan negara. Menurut Zainal Abidin Borhan, (1999: 412-413), setiap masyarakat di dunia bermatlamat agar kehidupan mereka aman, rukun, teratur, tersusun dan sejahtera, dan mereka berusaha menghindari hidup yang penuh kacau bilau serta porak peranda. Masyarakat mengadakan pelbagai institusi seperti sosial, ekonomi, politik, sistem nilai, sistem hukum, dan sebagai untuk mengatur kehidupan bermasyarakat. Masyarakat Melayu mengatur kehidupan dengan adat, seperti hukum adat, yang meliputi adat beraja, adat bernegeri, adat memerintah, dan sebagainya.

4. Mengukuhkan sistem perundangan yang ditubuhkan

Mengikut pada sistem pentadbiran kesultanan Melayu, sesuatu undang-undang itu dikawal dan diselia oleh raja dan para pembesar negara. Mereka bertanggungjawab dalam memastikan undang-undang yang ditubuhkan itu dijalankan sebaiknya. Menurut Muhammad Yusoff Hashim, (1996: 11), pembesar-pembesar tempatan yang banyak menyumbang kepada pembinaan dan kecemerlangan kerajaannya. Hal ini membuktikan bahawa pelbagai urusan yang dijalankan oleh para pembesar seperti urusan diplomatik iaitu perhubungan dalam dan luar negeri, urusan peperangan, aspek yang melibatkan keagamaan dan termasuklah urusan yang melibatkan peraturan, hukuman serta perundangan. Raja diibaratkan sebagai pemerhati, dan kebanyakan urusan-urusan ini dijalankan oleh para pembesar atas arahan dan telunjuk raja. Berdasarkan pada kenyataan ini, pembesar merupakan pembantu kepada raja dalam urusan yang melibatkan perundangan.

Di samping itu, Undang-undang Adat banyak membantu pemerintah dalam menjalankan pentadbiran. Penubuhan undang-undang itu bukan semata-mata untuk memenuhi syarat semata-mata. Malah, ia berperanan sebagai panduan kepada pemerintah untuk menjalankan pentadbiran dengan mengikut undang-undang yang sebetulnya. Oleh hal yang demikian, penerapan Undang-undang Adat itu mampu untuk mengukuhkan sistem perundangan yang ditubuhkan untuk terus dikekalkan dalam pentadbiran negeri.

KESIMPULAN

Penerapan Undang-undang Adat merupakan satu elemen penting kepada pentadbiran negara untuk membentuk kehidupan masyarakatnya. Undang-undang Adat juga banyak membantu melancarkan sistem pentadbiran kerajaan kesultanan Melayu. Sehubungan dengan itu, perbincangan mengenai penerapan Undang-undang Adat ini dijadikan sebagai bukti wujudnya sistem perundangan dalam masyarakat Melayu yang boleh dijadikan rujukan dalam perkara yang melibatkan undang-undang. Oleh hal yang demikian, hakikat ini menunjukkan bahawa masyarakat dahulu begitu memikirkan implikasi negatif sekiranya Undang-undang Adat itu tidak ditubuhkan.

Undang-undang Adat yang ditubuhkan itu akan memberi kesan kepada masyarakat secara langsung mahupun secara tidak langsung. Kesan di sebalik kejadian yang berlaku itu akan memberi banyak unsur didaktik kepada masyarakat dahulu kala serta memberi impak positif kepada masyarakat kini supaya tidak melakukan kesalahan sahsiah yang boleh merosakkan bangsa, agama dan negara yang tercinta. Sebagaimana kajian yang telah dilakukan, Undang-undang Adat yang terdapat dalam teks *Undang-undang Melaka* turut dikesan dalam naskhah *Sulalatus Salatin*. Undang-undang ini sememangnya melibatkan kesalahan-kesalahan sahsiah yang dilakukan seperti membunuh, mengamuk, mencuri, mengganggu anak orang, berzina dan meminum arak. Walaupun terdapat hukuman yang tidak diterapkan sepenuhnya seperti yang melibatkan golongan atasan, Undang-undang Adat ini tetap memberi kesan kepada masyarakat dari aspek psikologi secara umum serta urusan yang berkaitan dengan kepentingan pentadbiran negeri.

Sehubungan dengan itu, Undang-undang Adat ini sememangnya diterapkan dalam naskhah Melayu tradisional melalui peristiwa-peristiwa yang berlaku sebagaimana kajian yang telah dijalankan. Di sinilah timbulnya kesan positif daripada kesalahan sahsiah yang dilakukan dalam masyarakat. Kesan ini adalah melibatkankelompok masyarakat, malah terhadap undang-undang itu sendiri. Oleh itu, Undang-undang Adat ini sememangnya penting kepada bangsa Melayu dalam mengekalkan nilai kesantunan dan tatasusila. Hal ini juga bermatlamat untuk mengangkat bangsa Melayu agar terus disebut di peringkat global sebagai bangsa yang mempunyai ketinggian adab dan tamadunya.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Hussin. (2002). *Memperkenalkan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria Bin Gazali. (2012). "Dari Undang-undang Melaka ke Perlembagaan Persekutuan: Kesultanan Melayu dalam Sejarah Malaysia". *Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu ed. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman et. al. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia*, hlm 684-712.
- A. Samad Ahmad. (2014). *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daud Muhammad. (2015). Falsafah pentadbiran keadilan jenayah Syariah: Satu penghayatan semula. *Jurnal Kanun*. Januari. No 1: 7-32.
- Haron Daud. (1987). Karya-karya historiografi Melayu tradisional: Satu tinjauan dari segi pelaksanaan adat dan istiadat dalam masyarakat. *Dewan Sastera*. Jld.17. Bil.1: 72.
- Haron Din et. al. (1997). *Manusia dan Islam*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2008). Kajian naskhah Undang-undang Adat Melayu di London. *SARI: Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*. Jld. 26. Halaman 127-148.
- Jelani Harun. (2008). *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Khazin Mohd Tamrin. (2001). Dinamika adat dan tradisi merantau di alam Melayu. *Adat Melayu Serumpun ed. Abdul Latiff Abu Bakar*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), halaman 73-85.
- Liaw Yock Fang. (2003). *Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Mat Saat Baki. (1993). Tingkah laku tak normal. *Psikologi Melayu*. Abdul Halim Othman ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Kamal Hassan. (1991). Sastera untuk pembinaan sahsiah masyarakat. *Dewan Sastera*. Jld. 21. Bil. 5: 53.
- Muhammad Abdul Wahhab. (2007). Panduan mengenal dosa-dosa besar. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Muhammad Ariff Ahmad. (1993). *Bicara tentang adat dan tradisi*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1989). *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusoff Hashim. (1996). Wira Melayu dalam konteks patriotisme zaman Kesultanan Melaka. *Melaka dan arus gerakan kebangsaan Malaysia*. Abdul Latiff Abu Bakar ed. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, halaman 9-29.
- Nik Abdul Rashid b. Nik Abdul Majid. (2001). Adat dan undang-undang. *Adat Melayu Serumpun ed. Abdul Latiff Abu Bakar*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), halaman 27- 49.
- Norazit Selat. (2001). Adat Melayu: Kesenambungan dan perubahan. *Adat Melayu Serumpun ed. Abdul Latiff Abu Bakar*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), halaman 87-98.
- Noresah Baharom ed. et. al. (2013). *Kamus Dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahbah Az-Zuhayli. (1992). *Mengenal hukum hudud: zina, qazaf, mencuri, merompak dan minum arak*. Kelantan: Dian Darul Naim Sdn. Bhd.

- Zainal Abidin Borhan. (1999). *Adat Raja-Raja Melayu: Memikir kembali erti Melayu. Warisan Persuratan Johor II Perundangan dan Ketatanegaraan Melayu ed. Zainal Abidin Borhan et al. Johor: Yayasan Warisan Johor, halaman 411-418.*
- Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh. (2015). *Pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi Melayu tradisional. IMAN: International Journal of the Malay World and Civilisation. 3 (2), halaman 121-129.*